

Bernama.com

Malaysian National News Agency

50 PKS Tempatan Dalam Pengkomersilan Teknologi Biomass

April 27, 2010 16:07 PM

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Projek Pengeluaran Lestari Malaysia untuk Industri Biomass (Biomass-SP) di Malaysia akan mengenal pasti 50 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan untuk mengambil bahagian dalam pengkomersilan teknologi biomass.

Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus berkata PKS dengan latar belakang yang sesuai dan mempunyai potensi bagi teknologi biomass untuk pengkomersilan akan dibimbing dengan pembangunan kapasiti yang relevan dan pembiayaan seperti geran, pinjaman faedah rendah dan modal teroka.

"Pada 2012, kami merancang untuk membawa 50 syarikat Kesatuan Eropah (EU) meneroka peluang teknologi biomass dan kerjasama perniagaan dengan syarikat biomass tempatan," katanya kepada pemberita di Forum Pemegang Kepentingan Biomass EU-Malaysia di sini Selasa.

Projek Biomass-SP adalah usahasama yang dibiayai oleh EU, di mana sebanyak 1.8 juta euro telah disumbangkan tahun ini untuk tempoh empat tahun.

Ahmad Zaharudin berkata projek itu akan memberi sokongan kepada PKS untuk melaksanakan amalan pengeluaran mampan dalam aktiviti mereka seperti dalam pengurusan alam sekitar, mekanisme pembangunan bersih dan pengurangan pelepasan karbon.

"Ini akan memberikan PKS di Malaysia kelebihan yang diperlukan untuk membangun dan cemerlang dalam bidang biomass tempatan dan antarabangsa," katanya.

Ahmad Zaharudin berkata Malaysia mengeluarkan jumlah minimum 168 juta tan metrik biomass, termasuk sisa balak dan minyak sawit, sekam padi, serat batang kelapa, sisa buangan perbandaran dan sisa tebu setiap tahun.

"Potensi penuh pengkomersilan biomass masih belum digunakan sepenuhnya," katanya.

Menurut Ahmad Zaharudin, biomass mempunyai potensi yang baik untuk digunakan dalam pembuatan barangan eko bernilai tambah seperti plastik-bio, baja-bio, bahan pembinaan hijau dan perabot.

"Generasi tenaga boleh diperbaharui yang menggunakan tenaga mampan akan mendorong sektor teknologi dan menyumbang kepada usaha mengurangkan perubahan cuaca," katanya.

-- BERNAMA

Print

[Copyright](#) © 2010 BERNAMA. All rights reserved.

This material may not be published, broadcast, rewritten or redistributed in any form except with the prior written permission of BERNAMA.

[Disclaimer](#)